



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 17 APRIL 2020

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat **201 kes** yang telah pulih dan dibenarkan discaj pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 dan telah discaj daripada wad adalah sebanyak **2,967 kes** (56.5 peratus daripada jumlah keseluruhan kes). **Justeru, bilangan kes yang didiscaj hari ini adalah hampir tiga kali ganda bilangan kes baharu yang dilaporkan.**

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA.

Sehingga 17 April 2020 pukul 12:00 tengah hari, terdapat **69 kes** baharu yang telah dilaporkan. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **5,251 kes**. Oleh itu, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah 2,198 kes**. Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan.

Sehingga kini, seramai **51 kes positif COVID-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU)**. Daripada jumlah tersebut, 26 kes memerlukan bantuan pernafasan.

Daripada maklumat terkini yang dilaporkan ke *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) Kebangsaan, dukacita dimaklumkan bahawa terdapat pertambahan **dua (2)** lagi kes kematian berkaitan COVID-19. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **86 kes** (1.64 peratus daripada jumlah keseluruhan kes):

- Kes kematian ke-85 (kes ke-5064) merupakan lelaki warganegara Malaysia berumur 85 tahun. Beliau mempunyai sejarah kontak rapat dengan kes positif COVID-19, iaitu kes ke-4657 berkaitan dengan kluster PUI Bali. Beliau telah dirawat untuk penyakit barah darah di sebuah pusat perubatan swasta dan kemudiannya dipindah ke Hospital Tengku Ampuan Afzan, Pahang pada 15 April 2020 dan disahkan meninggal dunia pada 16 April 2020 jam 3.30 petang.
- Kes kematian ke-86 (kes ke-5183) merupakan lelaki warganegara Malaysia berumur 85 tahun dan mempunyai latar belakang penyakit darah tinggi dan strok. Beliau mempunyai sejarah kontak rapat dengan kes positif COVID-19, iaitu kes ke-2321. Beliau telah dirawat di Pusat Perubatan Universiti Malaya pada 1 April 2020 dan disahkan meninggal dunia pada 16 April 2020 jam 8.56 malam.

KKM mengucapkan takziah kepada ahli keluarga mereka.

JANGKITAN COVID-19 DI KALANGAN BUKAN WARGANEGARA DI MALAYSIA

Sehingga 16 April 2020 jam 12 tengah hari, pihak KKM telah mengesan sebanyak **601** kes positif COVID-19 (iaitu 356 kes sedang dirawat, 242 kes telah pulih dan tiga (3) kes kematian) di kalangan bukan warganegara Malaysia. Mereka adalah termasuk

kumpulan pelancong, pekerja asing, golongan pelarian dan pemohon suaka (*asylum seeker*).

Daripada jumlah tersebut, antara negara utama adalah:

- 108 kes terdiri daripada warganegara Indonesia
- 104 kes terdiri daripada warganegara Filipina
- 63 kes terdiri daripada warganegara Bangladesh
- 60 kes terdiri daripada warganegara India
- 51 kes terdiri daripada warganegara Pakistan

Seperti yang termaklum melalui media massa, terdapat peningkatan kes COVID-19 di Singapura yang dikaitkan dengan penularan COVID-19 di asrama pekerja. Ini dilaporkan telah menyumbang kepada lebih daripada 50 peratus keseluruhan kes positif COVID-19 di negara tersebut. Mengambil iktibar daripada situasi ini, dan memandangkan Malaysia juga mempunyai ramai pekerja asing, langkah-langkah perlu diambil bagi mencegah penularan COVID-19 khususnya di kalangan warga asing.

Bagi industri yang menggunakan banyak tenaga kerja, termasuk daripada kalangan warga kerja asing, majikan adalah bertanggungjawab untuk memastikan langkah-langkah berikut adalah dilaksanakan di tempat kerja:

- Pemeriksaan suhu badan dan gejala sebelum memasuki premis;
- Penyediaan tempat mencuci tangan atau *hand sanitizer*;
- Kerap melaksanakan proses pembersihan dan pembasmian kuman terutamanya ruang guna sama;
- Amalan jarak sosial selamat iaitu sekurang-kurangnya 1 meter termasuk di ruang kerja dan ruang makan seperti:-
 - Elakkan pekerja tidak berkumpul di ruang sempit (*confined space*)
 - Elakkan terlalu ramai pekerja bersama pada satu masa (*congregation*)
 - Amalkan jarak 1 meter semasa bercakap (*close conversation*)

Sekiranya tempat tinggal disediakan, langkah-langkah pencegahan terutamanya amalan jarak sosial selamat dan kebersihan tangan dan diri perlu ditekankan. Pekerja-pekerja yang mempunyai kediaman sendiri juga perlu mematuhi dan mengamalkan langkah-langkah pencegahan tersebut di samping mengambil inisiatif sendiri untuk kerap menjalankan sanitasi dan pembersihan rumah / tempat kediaman masing-masing.

KKM juga menggembeleng tenaga bersama dengan *United Nations High Commission for Refugees* (UNHCR) bagi memastikan golongan pelarian dan pemohon suaka (*asylum seeker*) turut diliputi dalam aktiviti pencegahan dan kawalan yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan.

KKM bekerjasama rapat dengan kedutaan negara-negara berkenaan di Malaysia dan juga badan bukan kerajaan (NGO) yang berkaitan, agar dapat membantu KKM dalam usaha penyebaran dan penyampaian maklumat kepada warga asing di Malaysia dalam bahasa ibunda masing-masing. *National IHR Focal Points* (NFPs) daripada negara-negara berkaitan juga akan dimaklumkan mengenai kes-kes positif COVID-19 di kalangan warga asing di Malaysia.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM menasihatkan orang ramai supaya mematuhi segala arahan berkaitan dengan Perintah Kawalan Pergerakan.

Semasa berada di rumah, KKM ingin menasihatkan orang ramai agar sentiasa mengamalkan tahap kebersihan yang tinggi pada setiap masa, seperti kerap mencuci tangan dengan menggunakan air dan sabun dan amalkan jarak sosial (*social distancing*) sekurang-kurangnya 1 meter dari orang lain.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian COVID-19 melalui segala maklumat yang diperolehi dan akan dimaklumkan kepada rakyat dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

17 April 2020 @ 5.00 petang

LAMPIRAN 1**BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 17 APRIL 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU	BILANGAN KES KUMULATIF
PERLIS	0	18
KEDAH	0	94
PULAU PINANG	0	119
PERAK	1	252
SELANGOR	9	1,338
NEGERI SEMBILAN	13	402
MELAKA	1	148
JOHOR	9	623
PAHANG	1	262
TERENGGANU	0	108
KELANTAN	0	155
SABAH	5	293
SARAWAK	10	397
W.P. KUALA LUMPUR	19	971
W.P. PUTRAJAYA	0	55
W.P. LABUAN	1	16
JUMLAH KESELURUHAN	69	5,251